



NEGERI PERLIS

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57

4hb Disember 2014

No. 25

No. 65.

AKTA MAHKAMAH RENDAH 1948

(Akta 92)

SUBORDINATE COURTS ACT 1948

(Act 92)

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN PELANTIKAN MAJISTRET
KELAS KEDUA DI BAWAH SEKSYEN 79

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT OF
SECOND CLASS MAGISTRATES UNDER SECTION 79

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 79 Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Tuan Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor menjadi Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis berkuat kuasa mulai 5 Mac 2014.

In exercise of the powers conferred by section 79 of the Subordinate Courts Act 1948 [*Act 92*], the State Authority has appointed Tuan Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis with effect from 5 March 2014.

Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed sebagai Majistret Kelas Kedua di dalam dan bagi Negeri Perlis adalah dibatalkan berkuat kuasa mulai 7 November 2012.

Revocation of Appointment

2. The appointment of Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed as Second Class Magistrate in and for the State of Perlis is hereby revoked with effect from 7 November 2012.

Bertarikh 31 Oktober 2014

Dated 31 October 2014

[PTG.Ps.(PENT.) 090 SK. 3(); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 66.

AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK) 1960

LAND (GROUP SETTLEMENT AREAS) ACT 1960

PENAMATAN SEBAHAGIAN KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK
TANAH RANCANGAN FELDA RIMBA MAS

TERMINATION OF PART OF A GROUP SETTLEMENT AREA OF TANAH
RANCANGAN FELDA RIMBA MAS

Bahawasanya, menurut *Warta Kerajaan Negeri Perlis* No. 92/2010 bertarikh 23 Disember 2010, Pihak Berkuasa Negeri pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 4 Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*] telah mengisytiharkan bahawa kawasan P.W. 1285 menjadi satu Kawasan Penempatan Berkelompok yang dikenali sebagai Tanah Rancangan FELDA Rimba Mas.

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 44(1) Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [*Akta 530*], Pihak Berkuasa Negeri setelah berunding dengan Menteri, mengisytiharkan bahawa tanah yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah terhenti menjadi sebahagian daripada Kawasan Penempatan Berkelompok Tanah Rancangan FELDA Rimba Mas bagi maksud Akta tersebut.

Whereas, by Perlis Government *Gazette* No. 92/2010 dated 23 December 2010, the State Authority in exercise of the powers conferred by section 4 of the Land (Group Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*] had declared the area in P.W. 1285 to be a Group Settlement Area to be known as Tanah Rancangan FELDA Rimba Mas.

In exercise of the powers conferred by subsection 44(1) of the Land (Groups Settlement Areas) Act 1960 [*Act 530*], the State Authority in consultation with the Minister, declares that the area described in the Schedule shall cease to be part of the Group Settlement Area Tanah Rancangan FELDA Rimba Mas for the purpose of the said Act.

JADUAL/SCHEDULE

Mukim/*Mukim*—Titi Tinggi. Daerah/*District*—Perlis. Nama Rancangan/*Name of Scheme*—Tanah Rancangan FELDA Rimba Mas. Anggaran Keluasan/*Approximate Area*—2.093 hektar/*hectares*. Pelan No./*Plan No.*—P.W. 1285.

Bertarikh 31 Oktober 2014

Dated 31 October 2014

[PTG.Ps.(AD) 514; SUK.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 67.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006

ADMINISTRATION OF THE RELIGION OF ISLAM
ENACTMENT 2006

PELANTIKAN ANGGOTA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU PERLIS

APPOINTMENT OF MEMBERS OF MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT
MELAYU PERLIS

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 11(2) Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 [*Enakmen 4/2006*], Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah telah melantik orang yang dinamakan dalam ruang (1) Jadual bagi memegang jawatan yang dinamakan dalam ruang (2) menurut peruntukan yang dinyatakan dalam ruang (3), berkuat kuasa mulai 1 April 2014 hingga 31 Disember 2015.

In exercise of the powers conferred by subsection 11(2) of the Administration of the Religion of Islam Enactment 2006 [*Enactment 4/2006*], Duli Yang Maha Mulia Raja Pemerintah has appointed the persons named in column (1) of the Schedule for the posts named in column (2) pursuant to the provision specified in column (3), with effect from 1 April 2014 until 31 December 2015.

JADUAL/SCHEDULE

(1)	(2)	(3)
Nama/Name	Jawatan/Post	Peruntukan Enakmen/ Provisions under the Enactment
D.Y.T.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail	Pengerusi/ <i>Chairman</i>	Perenggan 11(1)(a)
Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad	Timbalan Pengerusi/ <i>Deputy Chairman</i>	Perenggan 11(1)(b)
Dato' Seri Azlan bin Man	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Tuan Romli bin Dai	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(c)(i)
Tuan Haji Khairi bin Hasan	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Tuan Wan Jeffry bin Kassim	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(c)(ii)
Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda bin Jaya	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(c)(iii)
SAC Dato' Zull Aznam bin Haron	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Ustaz Nidzamuddin bin Zakaria	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)
Encik Dun bin Kasa	Anggota/ <i>Member</i>	Perenggan 11(1)(d)

Bertarikh 12 September 2014

Dated 12 September 2014

[MAIPs. 001/5; SUK.Ps. 05/380]

HAJI ABDUL MALIK BIN HUSSIN
Setiausaha
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
Perlis

No. 68.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM 2006
(Enakmen 4 Tahun 2006)

(Seksyen 11)

PELANTIKAN AHLI MAJLIS

Mengikut peruntukan seksyen 14 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), setelah diperkenankan oleh Raja Pemerintah menyiarkan pewartaan pelantikan Ahli Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis bagi tempoh mulai 1 April 2014 hingga 31 Disember 2015 seperti berikut:

1. D.Y.T.M. Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni D.Y.M.M. Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail,
Raja Muda Perlis—Pengerusi
2. Y.Bhg. Dato' Haji Abu Bakar bin Haji Ahmad,
Timbalan Pengerusi
3. Y.A.B. Dato' Seri Azlan bin Man,
Menteri Besar Perlis
4. Y.B. Tuan Romli bin Dai,
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis
5. Y.B. Tuan Haji Khairi bin Hasan,
Ahli Maljis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco Agama)
6. Y.B. Tuan Wan Jeffry bin Kassim,
Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis
7. Sahibus Samahah Dato' Murshid DiRaja Dr. Juanda bin Jaya,
Mufti Negeri Perlis
8. Y.D.H. SAC Dato' Zull Aznam bin Haron,
Ketua Polis Negeri Perlis
9. Y.Bhg. Dato' Alim Setia Ustaz Ahmad bin Jusoh
10. Y.Bhg. Dato' Lela Perkasa Ustaz Mahamud bin Abdul
11. Y.Bhg. Prof. Madya Dato' Arif Perkasa Dr. Mohd. Asri bin Zainul Abidin
12. Al Fadil Ustaz Nidzamuddin bin Zakaria
13. Encik Dun bin Kasa
14. Tuan Haji Abdul Malik bin Hussin,
Ketua Pegawai Eksekuitf MAIPs. Setiausaha

Bertarikh 12 September 2014

Dated 12 September 2014

[MAIPs. 001/5 SUK.Ps. 05/380]

HAJI ABDUL MALIK BIN HUSSIN
Setiausaha
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu
Perlis

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 69.

PELANTIKAN DAN PEMBATALAN DI BAWAH PERENGGAN 12(1)(b)

APPOINTMENT AND REVOCATION OF APPOINTMENT UNDER PARAGRAPH 12(1)(b)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 12(1)(b) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 Tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Tuan Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor sebagai Penolong Pentadbir Tanah Negeri Perlis mulai 5 Mac 2014 bagi maksud Kanun tersebut.

In exercise of the powers conferred by paragraph 12(1)(b) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has appointed Tuan Haji Saiful Azli bin Mohamed Nor as Assistant Land Administrator of Perlis with effect from 5 March 2014 for the purpose of the said Code.

Pembatalan Pelantikan

2. Pelantikan Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed sebagai Penolong Pentadbir Tanah Negeri Perlis adalah dibatalkan mulai 7 November 2012.

Revocation of Appointment

2. The appointment of Encik Ahmad Hamidi bin Mohamed as Assistant Land Administrator of Perlis is hereby revoked with effect from 7 November 2012.

Bertarikh 31 Oktober 2014

Dated 31 October 2014

[PTG.Ps.(PENT.) 090 SK. 3(); SUK.Ps. 05/380]

NORAZLAN BIN YAHAYA
*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/
Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 70.

(Seksyen 62)

PERIZABAN TANAH BAGI PENGGUNAAN AWAM

(Section 62)

RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri Perlis dengan ini telah merizabkan tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi maksud

awam iaitu sebagai tapak untuk logi pembersihan air dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab tersebut dan bahawa tanah rizab tersebut hendaklah diselenggarakan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis.

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority of Perlis hereby reserves the land described in the Schedule hereto for a public purpose, to wit, for water treatment plant and designated that the State Secretary of Perlis shall have control of the said reserved land and that said reserved land shall be maintained by Director of Public Works of Perlis.

JADUAL/SCHEDULE

Daerah/*District*—Perlis. Mukim/*Mukim*—Kurong Anai. No. Lot/*Lot No.*—8356. No. Pelan Akui/*Certified Plan No.*—91637. Luas/*Area*—12.4900 hektar/*hectare*.

Bertarikh 31 Oktober 2014

Dated 31 October 2014

[PTG.Ps. (AD) 532; PTG.Ps. 05/379]

NORAZLAN BIN YAHAYA

*Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Perlis/*

*Secretary of State Legislative Assembly
Perlis*

No. 71.

(Seksyen 326)

NOTIS BERKENAAN DENGAN CADANGAN HENDAK MEMOTONG KAVEAT

Kepada Siti Sofiah binti Mansor beralamat di 011 Jalan Besar Felda Padang Piol, Jerantut, 27040 Pahang, dan atas permintaannya Kaveat Persendirian No. 1144/2014 dimasukkan ke dalam hakmilik bagi tanah yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini.

Bahawasanya kaveat di atas adalah dimaksudkan supaya mengikat tanah itu sendiri yang diperihalkan dalam Jadual tersebut.

Dan bahawasanya Omar bin Hasan telah membuat permohonan kepada saya supaya kaveat yang tersebut itu dipotong.

Adalah diberi notis bahawa, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 326, Kanun Tanah Negara, saya akan, apabila habis tempoh dua bulan dari tarikh penyampaian notis ini, atau sesuatu tempoh yang lanjut (jika ada) sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah, memotong kaveat itu.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Kurong Anai. No. Lot—3196. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 2243. No. Daftar Pajakan/Gadaian (jika ada)—Perserahan No. 3678/2009.

Bertarikh 9 September 2014
[PTG.Ps.(R) 343/128(242)-3]

MOHAMAD FIRDAUS BIN ABDUL HAMID
Pentadbir Tanah
Perlis

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA